

zakat setiap tahun dan pelaksanaan agihan zakat di negeri-negeri perlu dirujuk kepada pihak berkuasa agama negeri masing-masing.

- (b) Berkaitan tiada laporan khusus zakat Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Pulau Pinang dalam laporan audit negara, perkara tersebut harus diajukan kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang memandangkan ia terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana dijelaskan di awal tadi. Agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan khususnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tidak mempunyai autoriti dalam hal ini. Persoalan ini boleh diajukan menerusi platform yang lebih berautoriti termasuk di persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.